

1. Rakyat dalam kerajaan Srivijaya meminum air tadahan daripada Inskripsi Telaga Batu. Mengapakah upacara tersebut dijalankan?
 - A Mengikut arahan
 - B Memperteguh janji
 - C Menunjukkan komitmen
 - D Membuktikan kesetiaan
2. Apakah yang ditakuti oleh masyarakat jika mereka tidak mematuhi arahan pemerintah pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?
 - A Tulah
 - B Waadat
 - C Derhaka
 - D Sumpah
3. Apakah prinsip perjuangan **Satyagraha** yang diperjuangkan oleh Mahatma Gandhi di India?
 - A Keberanian
 - B Kebenaran
 - C Ketabahan
 - D Keganasan
4. Pihak Bersekutu telah mengenakan sekatan ekonomi terhadap Jepun. Bagaimanakah Jepun menangani perkara tersebut ?
 - A Merancang menguasai Asia Tenggara
 - B Menyerang wilayah jajahan pihak Bersekutu
 - C Melancarkan imperialisme di rantau Asia Pasifik
 - D Mewujudkan pakatan ketenteraan dengan Jerman
5. Apakah tujuan Operasi Barbarossa yang dilancarkan Adolf Hitler semasa Perang Dunia Kedua?
 - A Menguasai seluruh Eropah
 - B Menjejaskan ekonomi Britain
 - C Mendapatkan kembali wilayah
 - D Mengeksploitasi bahan mentah
6. Mengapakah Tentera Jepun memberikan layanan yang kejam kepada kaum Cina di Tanah Melayu?
 - A Sistem sosial yang berbeza
 - B Sejarah permusuhan perang
 - C Mengelakkan penyatuan kaum
 - D Melaksanakan dasar pecah perintah

7. Maklumat berkaitan penentangan terhadap Malayan Union 1946.

Bantahan terhadap Malayan Union telah dibuat melalui akhbar.

Apakah akhbar tersebut?

- A Warta Malaya
 - B Fajar Sarawak
 - C The Malay Mail
 - D Utusan Melayu
8. Apakah kesan penyerahan Sabah kepada kerajaan British pada 26 Jun 1946?
- A Penentangan terhadap penjajah
 - B Sempadan negeri bertambah
 - C Kemunduran pentadbiran
 - D Berstatus tanah jajahan
9. Mengapakah Jepun dianggap sebagai sebuah kuasa besar pada tahun 1930-an?
- A Menguasai Korea
 - B Menakluki Indochina
 - C Menduduki Manchuria
 - D Memenangi perang Rusia-Jepun
10. Maklumat berkaitan dasar perluasan kuasa oleh Jepun
- Orde Baharu**
- Apakah kepentingan pengenalan dasar tersebut?
- A Menguasai Asia Pasifik
 - B Menamatkan sistem beraja
 - C Mencapai kemajuan teknologi
 - D Mengalahkan Kuasa Bersekutu
11. Kedatangan Jepun ke negara kita ialah untuk memenuhi keperluan ekonomi dan kepentingan ketenteraan.
- Apakah tindakan Jepun untuk mencapai misi tersebut?
- A Melakukan tipu helah
 - B Memalsukan dokumen
 - C Melaksanakan provokasi
 - D Menggunakan propaganda

12. Dasar pendudukan Jepun meninggalkan pelbagai kesan kesengsaraan dan penderitaan kepada rakyat.

Apakah iktibar daripada peristiwa tersebut?

- I Bertolak ansur
- II Berfikiran terbuka
- III Sentiasa berwaspada
- IV Semangat bekerjasama

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

13. Maklumat berkaitan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC).

MOTO CLC

“Kesamaan dan Keadilan Untuk Penduduk Tanah Melayu”

Apakah implikasi moto tersebut?

- A Penyelesaian masalah melalui perundingan
- B Perpaduan kaum ke arah berkerajaan sendiri
- C Kestabilan politik menjamin kedaulatan negara
- D Keteguhan sistem kehakiman menjamin keadilan

14. Maklumat berkaitan parti politik di negara kita selepas Perang Dunia Kedua.

**People Progressive Party
(PPP)**

Siapakah pemimpin parti tersebut?

- A Mohamad Sirat Yaman
- B Dr.S.Kanapathippilai
- C K.L.Devaser
- D John Thivy

15. Jawatankuasa Pilihan Raya telah mengeluarkan dua bentuk penyata susunan Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) yang dinamakan Bentuk A dan Bentuk B.

Apakah persamaan kedua-dua bentuk tersebut?


- I Dua orang ahli yang dilantik
 - II Sebelas orang wakil negeri
 - III Tiga orang mewakili golongan minoriti
 - IV Empat puluh orang dipilih melalui pilihan raya
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

16. Maklumat berkaitan ahli kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.

- **Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj**
- **Dato' Abdul Razak Hussein**
- **Dr. Ismail Abdul Rahman**

Bagaimanakah ahli kabinet tersebut dilantik?

- A Melalui pilihan raya
 - B Cadangan Ketua Menteri
 - C Arahan Pesuruhjaya Tinggi
 - D Perkenan Yang Dipertuan Agong
17. Tokoh di bawah mempunyai pengalaman dalam sistem Perundangan Komanwel.



Gambar 1

Apakah suruhanjaya yang mereka anggotai?

- A Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan
- B Suruhanjaya Hak Asasi Manusia
- C Suruhanjaya Pilihan Raya
- D Suruhanjaya Cobbold

18. Apakah reaksi Parti Islam Se-Malaysia (PAS) terhadap draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu?

- A Bahasa Mandrin sebagai bahasa kebangsaan
- B Bahasa Inggeris digunakan dalam parlimen
- C Bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi
- D Bahasa Tamil perlu diberikan perhatian

19. Apakah definisi kemerdekaan menurut Nelson Mandela?

- A Urus sendiri negara
- B Pertahan maruah diri
- C Hapus ikatan perkauman
- D Bebas daripada perhambaan

20. Maklumat berkaitan prinsip kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Warganegara mempunyai hak asasi iaitu hak yang dimiliki oleh seseorang individu disisi undang-undang seperti kebebasan bersuara dan mengeluarkan pendapat.

Apakah prinsip yang dimaksudkan?

- A Pengiktirafan sebagai rakyat
- B Penetapan wilayah pengaruh
- C Pengenalan lambang kebangsaan
- D Pentadbiran kerajaan persekutuan

21. Mengapakah kedaulatan negara bangsa kita dikenali sebagai Persekutuan Tanah Melayu 1957 dan Persekutuan Malaysia 1963?

- A Penyatuan parti politik
- B Penggabungan negeri
- C Perpaduan antara kaum
- D Pelaksanaan pilihan raya

22. Senarai berikut berkaitan dengan pelaksanaan dasar sosial negara untuk kesejahteraan rakyat.

- Rukun Negara
- Sukan
- Kebudayaan

Apakah matlamat utama dasar tersebut?

- A Menstabilkan Politik
- B Memantapkan ekonomi
- C Mengukuhkan Perpaduan
- D Menghapuskan kemiskinan

23. Apakah ciri Model *Westminster* yang diperkenalkan dalam Persekutuan Tanah Melayu?

- I Bermula selepas merdeka
- II Sebuah perlembagaan bertulis
- III Penetapan sempadan negara
- IV Undang-undang lisan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

24. Mengapakah Perlembagaan Persekutuan penting kepada negara kita?

- A Menentukan jumlah penduduk
- B Menetapkan sempadan negeri
- C Mengekalkan kesejahteraan rakyat
- D Meningkatkan semangat nasionalisme

25. Mengapakah Durbar ditubuhkan pada tahun 1897?

- I Majlis Persidangan Raja-raja Melayu
- II Membincangkan hal pentadbiran
- III Majlis Perundangan Persekutuan
- IV Menguruskan sumber ekonomi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

26. Apakah peranan institusi tersebut?

- Dewan Negara
 - Dewan rakyat

- A Merangka dasar
- B Mentafsir perlembagaan
- C Menggubal undang-undang
- D Melaksanakan perlembagaan

27. Apakah maksud Persekutuan?

- A Pentadbiran secara ditaktor
- B Penyatuan beberapa negeri
- C Pembentukan Jemaah Menteri
- D Pemerintahan secara demokrasi

28. Apakah tujuan penubuhan Taman-Taman Sabah oleh Kerajaan Negeri Sabah?
- A Menjaga perairan negara
 - B Melindungi kawasan marin
 - C Mengeluarkan lesen skuba
 - D Menyelenggara sistem saliran
29. Apakah faktor yang menyebabkan Thailand menyokong dan menerima idea pembentukan Malaysia?
- A Meningkatkan keselamatan
 - B Memajukan perdagangan
 - C Mengukuhkan ekonomi
 - D Mewujudkan keamanan
30. Apakah faktor yang menamatkan konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia?
- A Perubahan kepimpinan
 - B Desakan antarabangsa
 - C Kejatuhan ekonomi
 - D Rundingan damai
31. Apakah tuntutan Lee Kuan Yew dalam kempen berikut?
- Malaysian Malaysia**
- A Pembukaan pasaran bersama
 - B Cadangan tambahan cukai
 - C Kadar faedah pinjaman
 - D Hak sama rata
32. Bagaimanakah kerajaan dapat mengatasi isu kebergantungan pada eksport getah dan bijih timah?
- A Mendapatkan bantuan kewangan
 - B Membangunkan kemudahan asas
 - C Memajukan industri pemprosesan
 - D Mempelbagaikan penggunaan teknologi

33. Apakah usaha kerajaan dalam memperkasakan perpaduan kaum dari aspek sosial?

- I Penubuhan Jabatan Perpaduan
- II Pengenalan prinsip Rukun Negara
- III Penggunaan bahasa kebangsaan
- IV Pewartaan Majlis Muhibah Negara

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

34. Apakah institusi pendidikan yang ditubuhkan untuk mempergiatkan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar?

- I Sekolah Seri Puteri
- II Kolej Islam Kluang
- III Sekolah Shah Alam
- IV Kolej Sultan Abdul Halim

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

35. Dasar Ekonomi Baru bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.


Bagaimanakah dasar tersebut dilaksanakan?

- A Menambah saham milik asing
- B Meningkatkan kemasukan imigran
- C Membuka kawasan kampung baharu
- D Melaksanakan pembangunan wilayah

36. Pasangan manakah yang menunjukkan usaha kerajaan dalam membasmi kemiskinan?

	Institusi	Peranan
A	Industri Kecil Sederhana (IKS)	Mengagihkan subsidi
B	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	Menggalakkan penswastaan
C	Institut Latihan Perindustrian (ILP)	Memberikan kemahiran
D	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negara	Menyediakan modal


37. Rajah berkaitan perkembangan dasar luar Malaysia.



Mengapakah perubahan dasar tersebut berlaku?

- A Mengikut perkembangan indusatri
- B Melindungi kepentingan nasional
- C Mendukung arahan kuasa besar
- D Mengelakn ancaman komunis


38. Rajah berkaitan anggota negara ASEAN.



Apakah tujuan gabungan negara tersebut?

- A Menetapkan wilayah pengaruh
- B Mengelakkan ancaman komunis
- C Menunjukkan semangat setiakawan
- D Memastikan keselamatan sempadan


39. Maklumat berkaitan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang terlibat dalam isu kemanusiaan.



Apakah sumbangan pertubuhan tersebut?

- A Membuat rundingan damai
- B Menghantar pasukan tentera
- C Menangani masalah pelarian
- D Memberi bantuan perubatan

40. Senarai berikut berkaitan strategi jangka panjang Malaysia.



Apakah matlamat strategi tersebut?

- A Memperkukuh pertahanan negara
- B Menghalang kegiatan pengganas
- C Menjamin kesejahteraan rakyat
- D Membentuk hubungan politik